



Ruj. Kami : KMJ.600-2/1/1 (2)
Tarikh : 19 April 2021

Kepada,

SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

PERMOHONAN KEBENARAN RENTAS NEGERI BAGI TUJUAN MENGAMBIL ANAK / WARIS YANG TELAH MENAMATKAN SESI PENGAJIAN SEMESTER II DAN IV 2021 DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Dengan segala hormatnya, izinkan saya menarik perhatian pihak berwajib berkaitan perkara di atas dan pemegang surat ini merupakan ibu / bapa / penjaga / waris pelajar Kolej Matrikulasi Johor sesi 2020/2021..

2. Merujuk Surat Siaran Bahagian Matrikulasi KPM (KPM.100-1/7/8 JLD 2 (28) bertarikh 01 Mac 2021, telah menetapkan tarikh akhir kalendar akademik pelajar Program Matrikulasi KPM bagi sesi 2020/2021 di seluruh negara adalah pada 10 Mei 2021. Berdasarkan surat siaran tersebut, pelajar Kolej Matrikulasi Johor diarah untuk mengosongkan kolej kediaman masing-masing dan melakukan pendaftaran keluar kolej pada **10 Mei 2021 (Isnin)** dan **11 Mei 2021 (Selasa)**.

3. Sehubungan itu, ibu / bapa / penjaga / waris disaran untuk menjemput anak mereka di kolej ini mengikut tarikh-tarikh seperti di atas dan pelajar hanya diberi tempoh masa tersebut untuk kembali ke kampung halaman masing-masing. Berikut merupakan maklumat ibu / bapa / penjaga / waris pelajar sebagai rujukan pihak berwajib:

Nama Ibu Bapa/Penjaga/Waris :
No. Kad Pengenalan :
Nama Anak/Pelajar :
No. Matrik :
Tarikh pergerakan :
Tempat :
Salinan Kad Matrik Pelajar : Seperti dilampirkan oleh ibu / bapa / penjaga / waris

5. Besarlah harapan kami agar ibu / bapa / penjaga / waris pelajar Kolej Matrikulasi Johor diberi kebenaran untuk merentas negeri bagi menjemput anak mereka kembali ke rumah masing-masing dengan selamat.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMAD FARIQ BIN CHE MEE)
Timbalan Pengarah